



**Kereta api laju
Ipoh-KL-Seremban
bermula Khamis**

Pramugari kereta api elektrik (ETS) bersedia untuk memulakan tugas mereka sempena perjalanan sulung kereta api laju Ipoh-Kuala Lumpur-Seremban yang bermula Khamis ini. ETS adalah tren paling canggih dan pantas yang mampu bergerak pada kelajuan 160 kilometer sejam dapat memendekkan tempoh perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur kepada satu jam 55 minit. > BERITA MUKA 4

Perkhidmatan ETS mulai Khamis

IPOH: Perjalanan balik kampung pada musim Aidilfitri kali ini akan menjadi lebih mudah, lancar dan selesa bagi kebanyakan mereka yang tinggal di kawasan antara bandar raya Ipoh dan Seremban.

Kereta api elektrik (ETS) milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) akan memulakan perkhidmatan perjalanan Ipoh-Kuala Lumpur-

Seremban mulai Khamis ini.

Presiden KTMB, Dr Aminuddin Adnan, berkata KTMB menjangka permintaan tinggi terhadap perkhidmatan kereta apinya menjelang perayaan ini dan dengan pengenalan ETS, ia dijangka dapat menampung permintaan berkenaan.

"Memang kita menjangka permintaan tinggi pada se-

tiap musim perayaan dan kita juga akan menyediakan tren tambahan termasuk ETS ini," katanya pada program menyebarkan perkhidmatan ETS di sini, semalam.

Aminuddin berkata, ETS adalah tren paling canggih dan pantas pernah dimiliki KTMB yang mampu bergerak pada kelajuan 160 kilometer sejam (km/jam).

Beliau berkata, dengan ke-

lajuan ini, perjalanan dari Ipoh ke Kuala Lumpur dapat dikurangkan kepada satu jam 55 minit berbanding tiga jam menggunakan EMU sedia ada.

Katanya, mulai Khamis ini, ETS menawarkan tambang promosi RM30 bagi satu perjalanan kepada orang ramai bagi perjalanan Ipoh-Kuala Lumpur untuk tempoh enam bulan sehingga 12 Januari depan.